

29/5/82

29 MAY 1982

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SABTU, 29 MEI, 1982

## SEMANGAT PERJUANGAN PERLU DITERUSKAN

KEBIMBANGAN yang dilahirkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri, terhadap kecenderungan di kalangan sebilangan pemimpin UMNO mengutamakan ganjaran dan kepentingan diri lebih dari matlamat perjuangan parti itu seharusnya mendapat perhatian yang serius dari semua golongan pemimpin, baik di dalam mahupun di luar UMNO. Hakikat betapa pentingnya perkara ini kita fikirkan bersama adalah ketara.

Seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri, dan orang ramai juga mungkin sedia maklum, perjuangan UMNO tidak tamat dengan pencapaian kemerdekaan. Kepimpinan UMNO telah menunjukkan kebijaksanaan apabila sebaik sahaja negara dibebaskan dari belenggu penjajahan matlamat dan tenaga perjuangan UMNO ditumpukan pula kepada mengisi kemerdekaan itu dengan membina sebuah masyarakat yang maju, kukuh dan sepadu. Dari kebi-

jaksanaan dan kegigihan perjuangan inilah kita telah berjaya mencipta sebuah masyarakat Malaysia moden yang kestabilan, ketahanan dan pertumbuhan sosio-ekonominya telah dikagumi oleh bukan sedikit pemerhati dari masyarakat serantau dan dunia seluruhnya.

Tetapi jika banyak kejayaan yang telah tercapai bukan sedikit pula cabaran dan masalah yang masih kita hadapi. Cita-cita membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang menjadi matlamat asas DEB itu belum tercapai sepenuhnya. Kadar kemiskinan, terutama di sektor-sektor pertanian dan luar bandar masih tinggi; kadar penyertaan Bumiputera di bidang-bidang perniagaan dan perindustrian masih perlu dipertingkatkan lagi. Di samping itu matlamat melahirkan sebuah kerajaan yang cekap dan amanah dan mencipta sebuah masyarakat Malaysia moden berasaskan industri berat seperti yang

ditekankan oleh pimpinan 2M itu tentulah memerlukan pengembelangan usaha dan tenaga yang bukan sedikit untuk menjayakannya.

Kerana sebab-sebab inilah semangat dan matlamat asal perjuangan UMNO itu mesti dikekalkan. Tetapi menerima hakikat ini sahaja tanpa tindakan yang bersungguh-sungguh untuk menjayakannya tidaklah akan menghasilkan apa-apa. Berunduranya tokoh-tokoh Angkatan 1946 dari pucuk kepimpinan UMNO tidak seharusnya dibiarkan melunturkan semangat perjuangan parti. Semakin banyak tokoh-tokoh baru yang tampil ke muka dan semakin kuat tarikan materialisme dan individualisme semakin teguhnya tokoh-tokoh UMNO hari ini mempertahankan semangat dan nilai perjuangan asal mereka. Semangat yang telah melahirkan UMNO dan memberikannya nafas dan tenaga selama ini mestilah dikekalkan.